

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG
(BAGAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 07.11.2016

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan nilai kutipan GST sejak 1 April 2015 daripada sektor awam seperti Kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan. Berikan pecahan mengikut negeri dan anggaran kutipan bagi tahun 2016 dan 2017. Mengapakah kutipan GST tidak dikongsikan bersama atau dikembalikan kepada negeri masing-masing sepetimana yang dilakukan di negara maju seperti Australia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil kutipan GST bagi

tempoh 1 April 2015 hingga 31 Disember 2015 adalah sebanyak RM27.012 bilion manakala anggaran disemak bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM38.5 billion. Anggaran kutipan bagi tahun 2017 pula adalah sebanyak RM40 bilion.

GST adalah merupakan satu cukai kepenggunaan yang dikenakan di semua peringkat rantaian bekalan atau perkhidmatan di mana GST yang dibayar oleh mana-mana perniagaan yang berdaftar GST di dalam rantaian tersebut layak menuntut semula GST yang telah dibayar sebagai *Input Tax Credit*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat mengenai nilai kutipan GST daripada sektor awam seperti Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan tidak dapat dinyatakan kerana sebarang GST yang dibayar adalah dibuat kepada pembekal barang dan perkhidmatan yang merupakan perniagaan berdaftar GST dan bukannya secara terus kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Maklumat terimaan GST daripada perniagaan berdaftar GST hanya boleh dikategorikan mengikut profil industri, saiz, jenis pendaftaran dan sebagainya dan bukannya mengikut pihak yang menerima bekalan barang atau perkhidmatan daripada perniagaan berdaftar GST tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, semua hasil cukai GST dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan bersama-sama dengan cukai langsung dan cukai tidak langsung selainnya yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan. Seterusnya kutipan cukai tersebut dikembalikan sebagai agihan peruntukan bagi tujuan pembangunan negara seperti menambah baik sektor pendidikan, kesihatan, pembangunan dan penambahbaikan infrakstruktur untuk manfaat rakyat serta mengikut keperluan projek untuk pembangunan di sesebuah negeri.